

29 AUG 2001

MAHATHIR: PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK MUNGKIN SEPTEMBER

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Pilihan raya negeri Sarawak kemungkinan akan diadakan September ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud telah membayangkan kepada beliau yang pilihan raya negeri itu akan diadakan bulan depan.

"Cuma tarikhnya sahaja belum ditetapkan lagi," katanya kepada wartawan ketika diminta mengulas pertemuan beliau dengan Ketua Menteri Sarawak itu di sini semalam.

Abdul Taib, selaku pengerusi Barisan Nasional negeri Sarawak, mengadakan pertemuan kira-kira sejam dengan Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Menurut sumber-sumber, Taib telah mendapatkan pandangan dan nasihat Perdana Menteri mengenai senarai calon yang dikemukakan oleh parti-parti komponen BN negeri.

Mandat dewan undangan negeri akan tamat pada 18 Nov ini.

Pada pilihan raya negeri yang lepas pada 1996, BN memenangi 58 daripada 62 kerusi, termasuk 18 kerusi yang dimenangi tanpa bertanding.

-- BERNAMA
AFY AHH MAI